

Headline	Pelancaran Kelab TaHa U di UTeM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Nov 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	8	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,979



# Pelancaran Kelab TaHa@U di UTeM

**M**ELAKA: Pelancaran Kelab TaHa@U peringkat Melaka akan diadakan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 8 November ini, dengan perasmian dijangka disempurnakan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Pengurus Kanan Khidmat Pelanggan Tabung Haji (Tabung Haji), Noorazmima Ismail, berkata program yang dianjurkan serentak dengan pelancaran program korban akan diadakan di Masjid UTeM di kampus induknya di Durian Tunggal.

Katanya, pelancaran kelab berkenaan adalah keempat bagi peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) selepas Universiti Malaya (UM) di Kuala Lumpur, Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Shah Alam dan Politeknik Shah Alam, Selangor.

“Uniknya mengenai pelancaran bagi peringkat negeri Melaka ini, ia diadakan serentak dengan program korban sempena sambutan Aidiladha. Sebelum ini, di tiga lokasi awal, pelancaran diadakan serentak dengan program Karnival TaHa@U.

“Kita anggarkan kira-kira 1,000 orang dijangka menghadiri pelancaran bagi kedua-dua program ini secara serentak yang bakal disempurnakan oleh Ketua Menteri,” katanya selepas mesyuarat pertama penganjuran program ini di Pejabat Ta-

bung Haji Melaka di Banda Kaba di sini.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Tabung Haji Melaka, Abu Shukor Jangga.

Selain TH, program ini turut mendapat kerjasama UTeM menerusi Pusat Islam dan Hal Ehwal Pelajar serta Berita Harian menerusi Unit Pendidikan dan Bahagian Penedaran NSTP, manakala akhbar Melaka Hari Ini dan Radio Melaka FM selaku rakan media bersama.

Hadir sama pada mesyuarat itu adalah Pengarah Pusat Islam UTeM, Dr Radzuan Nordin; Penolong Pengurus Besar Penedaran NSTP, Salmah Hanim Hares; Ketua Biro Berita Harian Melaka, Amirullah Andi Nur dan Pengurus Pemasaran Tabung Haji Melaka, Isnin Aman.

Dalam pada itu, Abu Shukor berkata, program korban di UTeM ini antara lain bertujuan meningkatkan syiar Islam di Melaka, selain sebagai sebahagian daripada aktiviti Kelab TaHa@U dan mengukuhkan kerjasama antara semua agensi terbabit.

Katanya, beberapa acara sampingan turut diadakan sepanjang program itu termasuk pembukaan kaunter bergerak Tabung Haji termasuk untuk menjadi ahli Kelab TaHa@U, ceramah motivasi bersama anak yatim dan ibadat korban.